



**TEKS UCAPTAMA DAN PERASMIAN
YBHG. DATUK SERI KETUA AUDIT NEGARA**

**SAMBUTAN HARI AUDIT DAN PERSIDANGAN JURUAUDIT
SEKTOR AWAM TAHUN 2022/2023**

**17 JANUARI 2023 (SELASA)
9.40 - 10.00 PAGI (20 minit)**

SALUTASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan **Salam Sejahtera** serta **SALAM PERPADUAN**.

Terima kasih Pengacara Majlis.

YBrs. Puan Hajah Patimah binti Ramuji
Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)

YBhg. Datuk Nor Salwani binti Hj. Muhammad
Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)

YBrs. Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar
Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat Kerajaan)

Pengarah-pengarah Bahagian

Pengarah-pengarah Audit Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan-Tuan/Puan-Puan dan warga JAN yang saya hargai sekalian,

KATA ALU-ALUAN DAN PENGHARGAAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama di pagi ini untuk meraikan sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2022/2023.
2. Saya ingin menzahirkan penghargaan kepada Penasihat serta ahli Jawatankuasa Sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2022/2023, atas komitmen dan dedikasi yang diberikan sehingga majlis ini dapat diadakan pada hari ini. Syabas dan tahniah diucapkan. Harapan saya semoga majlis ini dapat berjalan lancar dengan jayanya, Insya-Allah.
3. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran ahli panel dan penceramah kerana sudi meluangkan masa untuk berkongsi pengetahuan, pandangan dan pengalaman masing-masing. Saya difahamkan terdapat 4 sesi dengan penyertaan ahli panel dan penceramah daripada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Kementerian Ekonomi yang akan turut serta dalam majlis ini.

4. Setinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada Malaysian Institute of Accountants (MIA) kerana telah meluluskan 8 jam kredit Continuing Professional Education (CPE) *hours* bagi kehadiran secara bersemuka untuk peserta persidangan yang mempunyai keahlian MIA manakala 5 jam kredit bagi yang menyertai secara dalam talian. Tidak lupa juga penghargaan saya kepada The Institute of Internal Auditors (IIA) yang turut meluluskan 8 jam kredit kepada ahli IIA yang menghadiri Majlis ini.

PELANCARAN PELAN, GARIS PANDUAN DAN HANDBOOK JABATAN

Hadirin yang dihormati,

5. Di kesempatan ini, kita akan melancarkan **2 Pelan Jabatan, 2 Garis Panduan, dan satu Handbook**. Pelancaran ini bertujuan menambah bahan bacaan untuk juruaudit, mengemas kini panduan semasa pengauditan serta panduan untuk hala tuju pelan anti-rasuah dan pendigitalan jabatan. Kesemua dokumen pelancaran ini adalah relevan untuk kemajuan profesion juruaudit pada masa hadapan.
6. Pandemik Covid-19 telah menyebabkan evolusi lanskap pengauditan dunia. Metodologi pengauditan kini disesuaikan atau dengan kata lainnya lebih fleksibel dengan bantuan data digital. Oleh yang demikian, **Pelan Strategik Pendigitalan JAN Tahun 2021-2025** telah dibangunkan untuk memperkasa pendigitalan audit berpacuan data ke arah perkhidmatan pengauditan yang efisien dan profesional.

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Pemandu ICT dan Jawatankuasa Pembangunan Pelan ini. Saya berharap agar Pelan ini dijadikan rujukan utama bagi memperkasa dan memantapkan lagi profesionalisme Juruaudit Sektor Awam.

7. Ucapan tahniah juga kepada Sektor Audit Kewangan atas pelancaran ***Handbook Key Audit Area Pengauditan Penyata Kewangan***. Seterusnya syabas diucapkan kepada Sektor Audit Prestasi atas penghasilan dua (2) **Garis Panduan iaitu Garis Panduan Pengauditan ICT dan Kaedah Analitik Data**; serta **Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Projek (Jilid II)**. Penerbitan Garis Panduan dan Handbook ini adalah sebagai usaha berterusan JAN untuk memantapkan Juruaudit dalam bidang teknikal, ICT dan Penyata Kewangan bagi memastikan profesion ini kekal relevan dan berimpak tinggi.
8. Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Pembangunan Pelan Anti-Rasuah JAN atas pelancaran **Pelan Anti-Rasuah JAN Tahun 2023-2025** ini. Besar harapan saya supaya Pelan ini dapat menjadi pemangkin kepada warga JAN untuk menjadi contoh penjawat awam bebas rasuah sekaligus menyahut aspirasi Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bebas rasuah. Kita akan saksikan tayangan video dan montaj pelancaran sebentar lagi.

Warga JAN yang dihargai,

9. Saya amat berbesar hati hari ini di atas pencapaian dua (2) pegawai JAN yang telah berjaya menyempurnakan latihan dan penilaian Sijil

Professional Education for SAI Auditors (PESA). Tahniah diucapkan. Saya berharap, agar peluang pembangunan kapasiti Juruaudit Sektor Awam yang dibangunkan oleh *INTOSAI Development Initiative (IDI)* ini dapat digunakan sebaiknya oleh Warga JAN untuk memperkasakan dan memantapkan profesionalisme Juruaudit JAN di peringkat antarabangsa.

10. Hari ini juga buat julung kalinya, Anugerah Kecemerlangan Ketua Audit Negara (AKKAN) diperkenalkan bagi menghargai komitmen, sumbangan dan kecemerlangan Juruaudit JAN. Sekalung tahniah dan penghargaan saya ucapkan kepada penerima Anugerah ini yang akan kita ketahui sebentar nanti.

TEMA HARI AUDIT DAN PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM

Hadirin sekalian,

11. Selama berabad lamanya, usaha mengejar pertumbuhan ekonomi dan keinginan untuk memperoleh keuntungan yang maksimum telah membawa kepada peningkatan isu kemerosotan alam sekitar. Fenomena ini, kemudiannya, telah mengubah landskap risiko global daripada ekonomi kepada kemusnahan planet dan menjadikan risiko alam sekitar menguasai profil risiko hari ini.
12. Pandemik Covid-19 telah menyedarkan dunia berkaitan kepentingan penerapan agenda alam sekitar (environment), sosial (social) dan

tadbir urus (governance) atau ringkasannya ESG dalam perancangan pembangunan negara. Komitmen antarabangsa ke arah matlamat iklim dan pertumbuhan mampan juga telah meningkat ketika dunia secara globalnya berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi dan krisis kesihatan.

13. Pembangunan mampan merupakan sebahagian daripada agenda negara di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara dicapai secara inklusif untuk semua rakyat merentas wilayah dan negeri, dan pada masa sama tidak mengabaikan aspek alam sekitar. Sejajar dengan hasrat Kerajaan ini, pelbagai dasar strategik telah dikeluarkan di peringkat Kementerian dan agensi Kerajaan sebagai panduan memacu hala tuju dasar ke arah mewujudkan Malaysia yang lebih mampan.
14. Tumpuan kepada ESG dan pertumbuhan mampan akan menyokong dan menyumbang kepada inisiatif Kerajaan di dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat dan meningkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat. Langkah ini juga akan dapat membantu pertumbuhan negara untuk terus berdaya saing dan berdaya tahan di peringkat global dan berupaya memantapkan kemampuan negara berhadapan risiko perubahan iklim.
15. Agenda ESG masih dianggap baru di Malaysia. Penerapan dan kesedaran terhadap prinsip ESG dan pertumbuhan mampan secara amnya masih rendah. Persoalannya, mengapakah juruaudit perlu cakna terhadap ESG?. Jawapannya adalah isu alam sekitar, dan usaha untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals – SDG) adalah tanggungjawab bersama semua

pihak berkepentingan. Selain itu, peningkatan jenayah alam sekitar membawa lebih banyak ancaman kepada rakyat secara amnya dan planet ini secara khususnya. Natijahnya, Kerajaan mungkin akan menghadapi cabaran untuk melaksanakan dasar pembangunan mampan.

16. Adalah menjadi tanggungjawab Juruaudit untuk mengambil kira risiko pengurusan program atau aktiviti yang berkaitan SDG/ESG yang mungkin tersalah urus atau tersalah lapor. Sehubungan itu, pengetahuan juruaudit yang mendalam terhadap konsep SDG/ESG adalah penting bagi juruaudit benar-benar memahami risiko pengurusan tersebut yang boleh menjurus kepada sebarang salah laku yang tidak betul.
17. Sukacita saya menarik perhatian Juruaudit Sektor Awam terhadap intipati *INTOSAI P-12 : The Value and Benefits of Supreme Audit Institution – making a difference to the live of citizen* yang menerangkan bahawa *Supreme Audit Institution (SAI)* berperanan dalam membawa perubahan kepada kehidupan rakyat. Juruaudit Sektor Awam mempunyai peranan yang sangat penting dalam memupuk kepercayaan awam.
18. Dalam konteks semasa, Laporan Audit perlu responsif terhadap perubahan persekitaran dan risiko semasa seperti aspek ESG dalam mencapai pembangunan mampan. Dengan mandat yang ada, Juruaudit boleh melaksanakan pengauditan untuk meneliti dan menilai sebarang percanggahan antara dasar pembangunan mampan yang ditetapkan dalam RMK-12 berbanding pelaksanaan sebenar.

19. Selaras dengan itu, tema sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2022/2023 disesuaikan kepada "Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus dalam Pengauditan Sektor Awam". Saya percaya, Program Kemasyarakatan yang telah diadakan di Bagan Lalang pada hari Ahad yang lalu sedikit sebanyak membantu Juruaudit untuk menjiwai tema sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit pada kali ini. Manakala perkongsian ilmu dalam majlis sambutan hari ini dapat memberi motivasi kepada warga JAN untuk terus menyampaikan perkhidmatan yang inklusif dan cemerlang kepada pemegang taruh di masa hadapan.

KESIMPULAN DAN PERASMIAN

Warga JAN yang saya hormati sekalian,

20. Sebagai penutup, harapan saya adalah sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2022/2023 ini akan menjadi pencetus ataupun *turning point* dalam usaha untuk menjayakan agenda pembangunan mampan negara.
21. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada ahli Jawatankuasa dan semua pihak yang telah berganding bahu untuk menjayakan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2022/2023 ini.

22. Dengan lafaz yang mulia,

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2022/2023.

Sekian,

Wabillahi taufik walhidayah wassalamuaalaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.